

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 30.11.2015 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

(a) sebab-sebab Kerajaan enggan memberi SPRM kuasa pendakwaan; dan

(b) langkah-langkah untuk melindungi pegawai-pegawai pendakwaan dan penyiasatan daripada dibunuh, dcederakan atau terancam.

**JAWAPAN: YB SENATOR PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

(a) Perkara 145 Fasal 3 Perlembagaan dan seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah jelas memperuntukkan bahawa kuasa memulakan, mengendalikan dan memberhentikan sesuatu prosiding jenayah adalah Peguam Negara/Pendakwa Raya. Manakala fungsi Ketua

Pesuruhjaya dan pegawai SPRM untuk menjalankan penyiasatan jelas diperuntukkan dalam seksyen 7 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

Buat masa kini, Kerajaan tidak bercadang untuk memberikan kuasa kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk memulakan pendakwaan kes rasuah secara penuh tanpa perlu merujuk Peguam Negara kerana berlandaskan prinsip '*check and balance*' dalam penyiasatan dan pendakwaan sesuatu kes.

Ia juga telah menjadi amalan hampir setiap negara di dunia ini bahawa keputusan untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding sesuatu kesalahan dibuat oleh Pendakwa Raya dan tidak dipengaruhi oleh agensi penyiasatan. Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi yang mana prinsip pengasingan kuasa menjadi tunjangnya, maka adalah menjadi amalan yang diterima sebagai terbaik jika pihak yang membuat siasatan tidak memutuskan hasil siasatan mereka sendiri.

Walau bagaimanapun, bagi memudahkan urusan penelitian dan rujukan kertas-kertas siasatan, Timbalan Pendakwa Raya- Timbalan Pendakwa Raya dari Jabatan Peguam Negara ditempatkan di Ibu Pejabat SPRM dan sebahagian besar Negeri-Negeri.

(b) Bahagian Keselamatan SPRM berperanan menyediakan khidmat yang merangkumi aspek bantuan keselamatan ketika operasi, bantuan iringan khas, kawalan kediaman dan pengiringan individu berisiko di bawah SPRM termasuklah pegawai-pegawai yang terlibat dalam siasatan dan pendakwaan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILSON UGAK
KUMBONG
(HULU RAJANG)**

TARIKH : 30.11.2015

SOALAN : 33

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan status terkini projek Solar Hibrid di Long Kajang dan di Lusong Laku dan di Punan Bah yang terletak di daerah Belaga, Parlimen Hulu Rajang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) sistem solar hibrid di Long Kajang dan Lusong Laku telah siap sepenuhnya. Penduduk kampung di Lusong Laku telah mendapat bekalan elektrik 24 jam manakala penyambungan bekalan elektrik kepada penduduk di Long Kajang akan dibuat dalam masa terdekat selepas kerja-kerja pemasangan meter individu disempurnakan oleh Sarawak Energy Berhad.

Untuk makluman juga, Kementerian telah menyenaraikan cadangan pelaksanaan projek BELB di Punan Bah dalam tempoh RMK-11. Pelaksanaan projek ini bergantung kepada peruntukan yang akan diluluskan dalam tempoh RMK-11 akan datang dan senarai keutamaan yang akan dimuktamadkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.